



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

12 MEI 2022 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

12 MEI 2022 (KHAMIS)

HARI : **KHAMIS**
TARIKH : **12/5/2022**
M/SURAT : **30**

Rumah simpan stok minyak peket, tepung secara haram diserbu

TANAH MERAH: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan menyerbu sebuah rumah yang dijadikan sebagai stor simpanan minyak masak peket dan tepung gandum di Kampung Bukit Merah

Dalam di sini, kelmarin.

Dalam serbuan pada pukul 10 pagi itu, pihak berkuasa merampas 408 kilogram minyak masak peket dan 840 kilogram tepung gandum dengan nilai keseluruhan RM3,120.

Ketua Pegawai Penguatkuasa

KPDNHEP Kelantan, Aswadi Jaafar berkata, serbuan dilakukan selepas pihaknya mendapati premis berkenaan tidak mempunyai lesen sah menyimpan barang kawalan dalam kuantiti yang banyak.

Menurutnya, serbuan itu tu-

rut disertai Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor.

"Pemeriksaan lanjut ke atas premis tersebut menemukan minyak masak peket bersubsidi seberat 408 kilogram di bawah garaj dalam kawasan rumah

berkenaan.

"Pada masa sama, kita menemukan 840 kilogram tepung gandum. Serbuan ini dilakukan sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam. -

HARI : KHAMIS
TARIKH : 12/5/2022
M/SURAT : 17



Pegawai KPDNHEP memeriksa stok tepung gandum dan minyak masak yang dirampas di sebuah kedai runcit di Kampung Bukit Merah Dalam, Tanah Merah.

(Foto Ihsan KPDNHEP)

Pekerja sorok stok minyak masak, tepung gandum bawah garaj

Tanah Merah: Pekerja sebuah kedai runcit di Kampung Bukit Merah Dalam, di sini, menggunakan alasan kononnya 'tidak tahu' sebagai helah selepas tinjakan premis itu menyorok stok minyak masak dan tepung gandum dikesan pihak berkuasa.

Sejumlah 408 kilogram (kg) minyak masak bersubsidi dan 840kg tepung gandum serba guna dirampas di premis itu dalam serbuan jam 10 pagi kelmarin.

Serbuan itu membabitkan sepasukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Peng-

kalan Kubor.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP negeri, Aswadi Jaafar berkata, semua barang kawalan bernilai RM3,120 itu dijumpai di bawah garaj dalam kawasan sebuah rumah di lot terbabit.

"Sitaan dibuat kerana pemilik premis gagal mengemukakan sebarang lesen sah mengenai pemilikan barang kawalan seperti diperuntukkan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya menerusi kenyataan media, semalam.

Aswadi berkata, ketika serbuan, pemiliknya tiada di premis dan menurut pekerjaanya, mere-

ka tidak tahu perlu mempunyai lesen untuk pemilikan barang kawalan dan bersubsidi.

Jelasnya lagi, kes akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Rayu untuk tindakan selanjutnya dan jika sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM1 juta atau tiga tahun penjara atau kedua-dua sekali bagi individu dan RM2 juta bagi perbadanan.

"Kami tidak akan berkompromi dan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana individu atau peniaga yang melanggar undang-undang terutamanya membabitkan penyelewengan barang kawalan bersubsidi," katanya.

Rumah simpan stok barang kawalan diserbu

TANAH MERAH - Tindakan seorang peniaga menyimpan stok barang kawalan dalam kuantiti yang banyak tanpa lesen di rumahnya di Kampung Bukit Merah Dalam di sini terbongkar apabila diserbu pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDHEP) Kelantan pada Selasa.

Serbuan pada jam 10 pagi itu yang turut disertai Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor membawa kepada rampasan minyak masak peket dan tepung gandum berjumlah RM3,120.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Kelantan, Aswadi Jaafar berkata, bertindak atas maklumat risikan sepasukan anggota telah

membuat serbuan ke atas sebuah premis yang menyimpan barang kawalan.

"Pemeriksaan mendapati premis berkenaan tidak memiliki lesen yang sah seperti yang diperuntukkan dibawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Menurut beliau, pemeriksaan ke atas premis tersebut telah menemui minyak masak peket bersubsidi seberat 408 kilogram (kg) dan 840 kg tepung gandum di bawah garaj dalam kawasan rumah berkenaan.

Aswadi berkata, tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana individu yang melanggar undang-undang.

Tindakan seorang peniaga menyimpan stok barang kawalan dalam kuantiti yang banyak tanpa lesen di rumahnya di Kampung Bukit Merah Dalam, Tanah Merah terbongkar apabila diserbu KPDHEP Kelantan pada Selasa.



Rumah jadi stor simpan minyak masak, tepung gandum diserbu

TANAH MERAH – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDHEP) Kelantan menyerbu sebuah rumah yang dijadikan sebagai stor untuk menyimpan minyak masak bersubsidi dan tepung gandum di Kampung Bukit Merah Dalam di sini kelmarin.

Serbuhan yang turut disertai oleh Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor itu dijalankan pada pukul 10 pagi selepas mendapati rumah berkenaan tidak mempunyai lesen sah untuk menyimpan barang kawalan dalam kuantiti yang banyak.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kelantan, Aswadi Jaafar berkata, pemeriksaan lanjut di rumah itu telah menemui minyak masak peket bersubsidi seberat 408 kilogram (kg) di bawah garaj dalam kawasan rumah berkenaan.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut turut menjumpai sebanyak 840kg tepung gandum di situ.

"Nilai keseluruhan rampasan minyak masak peket dan tepung



ANGGOTA KPDNHEP dan PPM Wilayah Tiga Pengkalan Kubor memeriksa minyak masak yang dirampas di Tanah Merah kelmarin.

gandum dianggarkan berjumlah RM3,120.

"KPDNHEP Kelantan tidak akan berkompromi dan tindakan tegas akan diambil terhadap individu atau peniaga yang melanggar undang-undang terutama-

nya melibatkan penyelewengan barang kawalan bersubsidi," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Tambahnya, kes tersebut disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

AirAsia maklumkan empat faktor utama jejas operasi

Syarikat beri jawapan kepada KPDNHEP dalam tempoh 24 jam

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Empat faktor utama dikenal pasti AirAsia sehingga menjadi punca kelewatian, penangguhan dan penjadualan semula penerbangan syarikat itu membabitkan pelbagai destinasi baru-baru ini.

Perkara itu dikongsikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, semalam selepas menerima maklum balas lengkap daripada syarikat penerbangan berkenaan terhadap isu dilketengahkan da-

lam tempoh 24 jam. Punca pertama dinyatakan syarikat terabit disebabkan jumlah pesawat yang terhad apabila AirAsia kini beroperasi hanya dengan 40 pesawat berbanding 95 sebelum pandemik COVID-19 melanda.

"Penyusutan 57.9 peratus pesawat sedia ada. Ini disebabkan kekurangan penyelenggaraan, pembalakan dan baik pulih pesawat di rantau ini.

"Punca kedua ialah kekangan operasi dan kawal selia. Sesetengah negara masih perlu keputusan ujian RT-PCR sebelum penerbangan, menyebabkan kelewatian.

"Peningkatan mendadak jumlah penumpang susulan musim perayaan dan pembukaan sempadan negara juga menjadi pun-

ca," katanya menerusi Facebook.

Alexander berkata, punca ketiga disebabkan isu teknikal apabila dalam tempoh beberapa minggu lalu, tiga hingga lima pesawat mengalami masalah dan memerlukan lebih masa untuk pemeriksaan selain gangguan *bird strikes* pada enjin dan panahan kilit pada pesawat.

Punca keempat membabitkan keadaan cuaca di beberapa tempat seperti Kuala Lumpur, Sandakan dan Kota Kinabalu sehingga menjelaskan operasi AirAsia.

"Jumlah aduan penumpang AirAsia yang diterima menerusi Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) merekodkan trend menurun, bagi tempoh Januari-April dan jumlah aduan pe-

numpang yang dihantar terus ke AirAsia dilihat hampir konsisten di sekitar perangkaan 60 hingga 80 aduan setiap bulan.

"Berdasarkan maklumat AirAsia, lebih 90 peratus aduan dikemukakan menerusi kedua-dua saluran (melalui MAVCOM dan terus ke AirAsia) sudah diselesaikan," katanya.

Menerusi maklum balas AirAsia diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada jam 11.47 malam tadi, beliau berkata, AirAsia turut menggantungkan penyelesaian bagi mengurangkan gangguan operasi.

"Antaranya melaksanakan penerbangan menyelamat bagi penumpang terkandas," katanya.

Alexander berkata, pasca libat urus KPDNHEP-AirAsia dari sisi kepentingan pengguna, Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Malaysia, Riad Asmat menzahirkan permohonan maaf kepada semua penumpang yang terjejas.



Alexander Nanta Linggi

Pesawat terhad punca gangguan penerbangan AirAsia

AirAsia kini beroperasi hanya menggunakan 40 pesawat berbanding 95 pesawat sebelum pandemik Covid-19 melanda

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Jumlah pesawat yang terhad dikenal pasti antara empat punca utama menyumbang kepada kelewatan, penangguhan dan penjadualan semula penerbangan AirAsia membabitkan pelbagai destinasi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, AirAsia kini beroperasi hanya menggunakan 40 pesawat berbanding 95 pesawat sebelum pandemik Covid-19 melanda.

"Berlaku penyusutan 57.9 peratus fleet sedia ada kerana disebabkan kekurangan penyelenggaraan, perbaikan dan baik pulih pesawat (MRO) di rantau ini," katanya menerusi ciapan

di Twitter pada Rabu. Menurutnya, AirAsia turut menyenaraikan syarikat penerbangan itu berdepan dengan kekangan operasi dan kawal selia dalam maklum balas kepada KPDNHEP berhubung isu kelewatan, penangguhan dan penjadualan semula penerbangan.

"Sesetengah negara masih memerlukan keputusan ujian RT-PCR sebelum penerbangan menyebabkan kelewatan selain peningkatan mendadak jumlah penumpang susulan musim perayaan dan pembukaan sempadan negara," katanya.

Beliau berkata, dalam tempoh beberapa minggu lalu, sekurang-kurangnya tiga hingga lima pesawat AirAsia mengalami isu teknikal dalam operasi penerbangan seluruh dunia.

"Ia memerlukan lebih masa untuk membuat pemeriksaan dan



ALEXANDER NANTA LINGGI

memperbetulkan isu teknikal," katanya.

Alexander berkata, AirAsia turut berdepan dengan isu *bird strikes* pada enjin pesawat ketika beroperasi di Lapangan Terbang Langkawi dan Ipoh selain, panahan kilat terhadap pesawat.

"Operasi AirAsia terjejas berikutan keadaan cuaca di beberapa tempat seperti Kuala Lumpur, Sandakan dan Kota Kinabalu," katanya.

Ujarnya, syarikat penerbangan itu telah mengambil langkah penyelesaian untuk mengurangkan gangguan operasi.

"Syarikat berkenaan telah melaksanakan penerbangan menyelamat bagi penumpang yang terkandas," katanya.

Tegas Alexander, AirAsia perlu memikirkan kuantum sesuai untuk penumpang yang terjejas akibat kelewatan, penangguhan dan penjadualan

semula penerbangan.

"Jika RapidRail boleh beri kupon perjalanan sehala kepada penumpang terjejas ekoran insiden 10 Mei lalu, saya percaya AirAsia juga perlu memikirkan kuantum yang sesuai untuk penumpang mereka," katanya.

Sehubungan itu, pengguna yang terkesan dengan isu tersebut disarankan segera membuat aduan secara rasmi.

"Tanpa aduan, gambaran sebenar kepuasan pelanggan tidak akan dapat diperoleh," katanya.

Tegasnya, kebijakan pengguna tidak lagi terjejas menjelang beberapa cuti umum yang akan datang.

"Paling hampir ketika ini ialah Hari Wesak dan Hari Gawai.

"KPDNHEP akan terus menjaga hak pengguna dalam isu ini manakala selebihnya membabitkan operasi akan diselia mengikut bidang kuasa Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Mavcom) dan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)," katanya.



Laporan Sinar Harian pada Rabu.

HARI	:	KHAMIS
TARIKH	:	12/5/2022
M/SURAT	:	7

Airlines must be ready for peak season, says Nanta

PUTRAJAYA: With several public holidays this month, AirAsia must ensure passengers will not be affected by delays or rescheduling, says Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

The Domestic Trade and Consumer Affairs Minister said the airline should be prepared to meet demand for this week's Wesak Day long weekend as well as the Kaamatan and Gawai celebrations.

Wesak will be celebrated on May 15 and Kaamatan on May 30 and 31, while Gawai falls on June 1.

He said the ministry and AirAsia had an engagement to sort out complaints on delays and rescheduling of domestic flights involving the

airline recently.

"During the meeting, I pointed out that travel plans should not be disrupted, especially with several public holidays coming.

"My ministry will continue to look after the interests of consumers while operational issues are under the purview of the Transport Ministry and Malaysian Aviation Commission (Mavcom)," he said in a series of tweets yesterday.

On Tuesday, AirAsia was given 24 hours to provide feedback on consumer issues, and Nanta said he had received the feedback from the airline.

He said according to the airline, it

is now operating with only 40 planes compared to 95 pre-pandemic.

"Consumers have the right to lodge official complaints should their flights be delayed or rescheduled, and they should do so if they are affected by disruptions.

"If complaints are lodged, have basis, and (are) in accordance with Mavcom guidelines, AirAsia will provide compensation to passengers," said Nanta.

Compensation provided by the airline to affected passengers includes change of flight, credit to be used at a later date, refunds, hotel accommodation and meals.

In a statement on Tuesday,

AirAsia apologised for the inconvenience caused, saying that it was forced to reschedule due to the sharp increase in demand during the festive season.

AirAsia Malaysia chief executive officer Riad Asmat had said several factors and unavoidable incidents resulted in delays.

The Transport Ministry had also taken airlines to task over disruptions following traveller complaints during the Hari Raya holidays.

Transport Minister Datuk Seri Dr Wee Ka Siong said the ministry, Mavcom and Civil Aviation Authority had been flooded with complaints over the recent flight delays.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : **KHAMIS**
TARIKH : **12/5/2022**
M/SURAT : **16**

		Senarai Harga Barang Keperluan	
Ayam	RM6.99	Telur Gred A	RM12.60
Daging Lembu Tempatan	RM45	Ikan Kembung	RM14.90
Daging Lembu Import	RM28	Minyak Masak	RM6.55
Gula Pasir	RM2.85	Bawang Besar Holland	RM3.49
Bawang Putih	RM5.50	Bawang Putih	RM5.50
Cili Merah	RM9.99	Kubis Bulat Tempatan	RM5.00
Tepung Gandum	RM2.30	Tepung Gandum	RM2.30

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP